

## Tahap Pengetahuan dan Sikap Guru Terhadap Pendekatan Didik Hibur dalam Pengajaran Bahasa Melayu

Owing Ji Seng<sup>1\*</sup>, Azhar Md. Sabil<sup>2</sup> & Shamsudin Othman<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Bahagian Tajaan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia

<sup>2,3</sup> Jabatan Pendidikan Bahasa dan Kemanusiaan, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM Serdang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

### ABSTRAK

Langkah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menjadikan pendekatan didik hibur sebagai alternatif dalam pengajaran dan pembelajaran murid mulai tahun 2010 sangat dialu-alukan. Ini adalah kerana ramai guru masih selesa menggunakan pendekatan pengajaran tradisional semasa menyampaikan pengajaran. Guru Bahasa Melayu memberikan input yang banyak kepada murid agar dapat menjawab soalan peperiksaan dengan baik. Namun kurang melibatkan murid secara aktif dalam proses pengajaran dan mewujudkan suasana pengajaran yang membosankan dan tidak menarik. Oleh itu, kajian ini ingin mengkaji tahap pengetahuan dan sikap guru terhadap pendekatan didik hibur dalam pengajaran Bahasa Melayu. Kajian ini dijalankan secara kuantitatif deskriptif dan soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian. Kajian ini melibatkan 327 orang guru Bahasa Melayu di sekolah rendah daerah Hulu Langat, Selangor dengan menggunakan pensampelan rawak berstrata bernisbah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap pengetahuan guru Bahasa Melayu berada pada tahap yang tinggi ( $M = 4.00$ ,  $SP = 0.34$ ) manakala sikap guru Bahasa Melayu berada pada tahap sederhana ( $M = 3.55$ ,  $SP = 0.41$ ). Hasil dapatan ini menunjukkan guru Bahasa Melayu sekolah rendah di daerah Hulu Langat mempunyai pengetahuan yang tinggi terhadap pendekatan didik hibur tetapi memiliki sikap yang sederhana terhadap pendekatan didik hibur. Sikap guru dalam aspek afektif menunjukkan tahap yang sederhana ( $M = 3.64$ ,  $SP = 0.50$ ), manakala aspek tingkah laku pula menunjukkan tahap yang positif ( $M = 3.80$ ,  $SP = 0.48$ ) dan aspek kognitif menunjukkan tahap yang sederhana ( $M = 3.23$ ,  $SP = 0.48$ ). Kajian ini dapat memberikan gambaran yang jelas terhadap tahap pengetahuan dan sikap guru Bahasa Melayu terhadap pendekatan didik hibur di sekolah rendah daerah Hulu Langat. Kementerian Pendidikan Malaysia harus menyediakan bengkel atau kursus berkaitan pendekatan didik hibur bagi memantapkan tahap pengetahuan dan sikap guru. Sebagai kesimpulannya, guru mempunyai tanggungjawab untuk meningkatkan tahap pengetahuan dan sikap terhadap pendekatan didik hibur agar dapat dilaksanakan dengan berkesan semasa pengajaran guru.

**Kata kunci:** Pendekatan didik hibur, tahap pengetahuan guru, sikap guru, pengajaran Bahasa Melayu

### ABSTRACT

The Ministry of Education's (MOE) move to make didik hibur approach as an alternative in teaching and learning of pupils from 2010 is highly welcomed. This is because many teachers are still comfortable using traditional teaching approaches when teaching. Teacher of Malay Language gives a lot of input to the students in order to answer the exam questions well. Yet less actively involves students in the teaching process and creates a boring and unattractive teaching atmosphere. Therefore, this research is intended to examine the level of knowledge and attitude of teachers towards the didik hibur approach in Malay Language teaching. This research was conducted in quantitative descriptive and the questionnaire was used as a research instrument. This research involved 327 Malay language teachers in Hulu Langat district, Selangor using randomized stratified random sampling. The findings showed that the level of knowledge of Malay language teachers at the high level ( $M = 4.00$ ,  $SP = 0.34$ ) while the attitude of the Malay language teachers at the moderate level ( $M = 3.55$ ,  $SP = 0.41$ ). The findings show that primary school Malay teachers in Hulu Langat district have a high level of knowledge on the didik hibur approach but have a moderate attitude towards the didik hibur approach. The attitude of the teacher in the affective aspect shows a moderate level ( $M = 3.64$ ,  $SP = 0.50$ ), while behavioral aspects showed a positive level ( $M = 3.80$ ,  $SP = 0.48$ ) and cognitive aspects showed a moderate level ( $M = 3.23$ ,  $SP = 0.48$ ). This study can provide a clear picture of the level of knowledge and attitude of Malay teachers towards the didik hibur approach of the Hulu Langat district primary school. The Ministry of Education Malaysia should provide a workshop or course in relation to the didik hibur approach to

\* Corresponding author: [jsyellow2008@yahoo.com](mailto:jsyellow2008@yahoo.com)

strengthening the level of knowledge and attitude of teachers. In conclusion, teachers have the responsibility to enhance their level of knowledge and attitudes in order to have a didik hibur approach effectively implemented while teaching.

**Keywords:** *Didik hibur* approaches, teacher knowledge level, teacher attitude, Malay Language teaching

---

## PENGENALAN

Guru yang mengajar Bahasa Melayu di sekolah rendah memerlukan pelbagai pendekatan untuk menarik minat murid mempelajari Bahasa Melayu. Pendekatan didik hibur telah diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) di dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) mulai tahun 2010 sebagai suatu alternatif untuk mempelbagaikan proses pedagogi pengajaran guru. Pendekatan didik hibur ini dilaksanakan untuk menjadikan proses pengajaran guru lebih menarik, santai dan seronok supaya murid dapat menumpukan perhatian semasa mempelajari mata pelajaran Bahasa Melayu. Pelaksanaan pendekatan didik hibur ini diharapkan dapat meningkatkan penguasaan murid dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dan seterusnya pencapaian Bahasa Melayu mereka akan menjadi lebih baik.

Selaras dengan hasrat Falsafah Pendidikan Negara (FPN) untuk melahirkan insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, pengajaran guru yang berpusatkan murid dengan penglibatan yang aktif dan menyeronokkan melalui pelaksanaan pendekatan didik hibur dapat dicapai. Pengajaran guru dalam KSSR yang bersifat interaktif, berkesan dan menarik dapat melahirkan murid yang berketerampilan dan berdaya maju untuk memastikan pembangunan negara yang berterusan supaya menjadi negara maju pada masa hadapan.

Didik hibur merupakan pengajaran guru dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) untuk mendidik sambil menghibur murid dalam suasana yang santai dan seronok tetapi masih dapat memenuhi objektif pengajaran yang ditetapkan. Pendekatan ini boleh dilaksanakan dengan menggunakan empat teknik iaitu teknik nyanyian, bercerita, lakonan dan puisi. Guru bertindak sebagai fasilitator, pengurus, penilai atau pemudah cara dalam membantu murid menguasai objektif pengajaran yang dijalankan dengan penglibatan yang paling maksimum dalam proses pengajaran guru (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015).

Guru yang memiliki tahap pengetahuan yang tinggi dalam pelaksanaan pendekatan didik hibur dapat melaksanakan pendekatan ini dengan sebaik mungkin untuk memberikan kesan yang positif ke atas penguasaan dan pencapaian murid dalam Bahasa Melayu. Selain itu, sikap guru yang positif juga amat penting dalam melaksanakan pendekatan pengajaran ini apabilamempunyai tahap pengetahuan yang tinggi tentang pendekatan didik hibur. Sekiranya tahap pengetahuan guru adalah tinggi maka sikap mereka juga menjurus ke arah positif atau menerima pendekatan pengajaran ini. Apabila sikap guru positif, pendekatan pengajaran yang digunakan dapat dilaksanakan dengan baik. Hal ini akan mendorong ke arah proses PdPc yang berkesan.

### *Pernyataan Masalah*

Pada tahun 2011, Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT) telah menjalankan kajian kualitatif secara pemerhatian terhadap 125 sesi pengajaran di 41 sekolah di seluruh Malaysia telah mendapati sebanyak 50% sesi pengajaran menggunakan pendekatan pengajaran tradisional yang berbentuk syarahan untuk memberikan input kepada murid tanpa melibatkan penyertaan mereka dalam proses pengajaran (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012). Selari dengan kajian Rozita Radhiah Said, Abdul Rasid Jamian, & Azhar Md. Sabil (2016) yang mendapati guru Bahasa Melayu lebih selesa menggunakan pendekatan pengajaran yang lama iaitu menggunakan buku teks bahasa dan papan tulis di dalam bilik darjah. Begitu juga dengan kajian Mohd Paris Saleh & Saedah Siraj (2016) yang menyatakan kurangnya penglibatan murid yang aktif dalam proses pengajaran guru dengan menggunakan pengajaran berpusatkan guru. Tahap pengetahuan guru sangat penting dari aspek pengetahuan kandungan dan pengetahuan pedagogi supaya guru dapat menyampaikan pengajaran dengan baik dan berkesan kepada murid. Kelemahan guru memilih pendekatan pengajaran yang kurang sesuai akan mewujudkan suasana pengajaran yang membosankan.

Sikap guru yang serius dan tegas semasa mengajar Bahasa Melayu menyebabkan murid tertekan dan bimbang untuk terlibat dalam proses pengajaran guru. Keadaan ini membawa kepada pencapaian akademik dalam penilaian Bahasa Melayu yang kurang memuaskan (Shaffe Mohd Daud, Ramli Basri, Roselan Baki, Sahandri Ghani Hamzah, & Mokhtar Nawawi, 2011). Pengajaran guru yang membosankan dan tidak menarik akan menjurus kepada masalah disiplin murid seperti membuat bising di dalam kelas atau tidak mahu menghantar kerja sekolah yang diberikan. Menurut Alis Puteh (2016), pengajaran guru yang tidak melibatkan murid ini menyebabkan murid ponteng sekolah untuk mengelakkan diri dari berada di dalam kelas yang membosankan. Sikap guru yang tidak positif terhadap pengajaran di dalam kelas telahmewujudkan situasi murid tidak berminat untuk mengikuti pengajaran mata pelajaran Bahasa Melayu.

Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk melihat sejauh manakah tahap pengetahuan dan sikap guru terhadap pendekatan pengajaran yang diperkenalkan oleh KPM iaitu pendekatan didik hibur dalam pengajaran Bahasa Melayu di sekolah rendah daerah Hulu Langat, Selangor. Kajian ini penting untuk mengenal pasti tahap pengetahuan dan sikap guru terhadap pendekatan didik hibur sama ada tinggi atau rendah agar hasrat KPM untuk melahirkan modal insan yang berilmu pengetahuan mengikut acuan Malaysia dapat direalisasikan.

### *Objektif Kajian*

Secara umumnya kajian ini bertujuan untuk mengetahui tahap pengetahuan dan sikap guru terhadap pendekatan didik hibur dalam pengajaran Bahasa Melayu di sekolah rendah. Oleh itu, objektif kajian ini dijalankan adalah untuk:

1. Mengetahui tahap pengetahuan guru Bahasa Melayu terhadap pendekatan didik hibur dalam pengajaran Bahasa Melayu.
2. Melihat sikap guru Bahasa Melayu terhadap pendekatan didik hibur dalam pengajaran Bahasa Melayu.

### *Kepentingan dan Batasan Kajian*

Melalui kajian ini, pihak pentadbir sekolah perlu mengadakan bengkel atau seminar berkaitan pendidikan didik hibur untuk meningkatkan lagi tahap pengetahuan guru Bahasa Melayu. Guru yang memiliki pengetahuan yang tinggi dalam pendekatan ini dapat menjalankan PdPc yang menyeronokkan semasa proses pengajaran Bahasa Melayu di dalam bilik darjah. Selain itu, dapatan kajian dapat digunakan untuk mencari masalah dan meningkatkan sikap guru supaya lebih bermotivasi untuk mengajar Bahasa Melayu dengan menggunakan pendekatan didik hibur dalam pengajaran mereka agar murid dapat belajar dalam suasana yang santai, seronok, menyenangkan dan berkesan.

Kajian yang dijalankan ini adalah terbatas kepada guru-guru yang mengajar Bahasa Melayu di sekolah rendah daerah Hulu Langat, Selangor. Sampel kajian yang digunakan hanyalah terhad kepada 327 orang guru sahaja dengan menggunakan pensampelan rawak berstrata bernisbah. Sampel dipilih berdasarkan kepada nisbah bilangan guru dari setiap jenis sekolah rendah yang dijadikan sampel kajian. Pemilihan sampel kajian adalah berdasarkan jadual penentuan saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970). Dalam kajian ini, hanya tahap pengetahuan dan sikap guru terhadap pendekatan didik hibur dalam pengajaran Bahasa Melayu sahaja terdapat dalam borang soal selidik yang telah diedarkan kepada responden melalui ketua panitia masing-masing. Dapatan kajian yang diperolehi hanya dianalisis menggunakan analisis deskriptif yang melibatkan peratusan, nilai min dan sisihan piawai untuk mendapatkan gambaran tentang tahap pengetahuan dan sikap guru daerah Hulu Langat terhadap pendekatan didik hibur.

## **SOROTAN LITERATUR**

Pendekatan didik hibur merupakan pendekatan yang digunakan dalam pembelajaran dan pemudah cara (PdPc) dalam mata pelajaran Bahasa Melayu untuk meningkatkan penguasaan murid dalam kemahiran mendengar dan bertutur, membaca serta menulis dengan pengajaran guru secara santai dan menyeronokkan. Pendekatan ini menekankan kepada empat teknik iaitu nyanyian, bercerita, lakonan dan puisi yang boleh digunakan oleh guru semasa mengajar Bahasa Melayu (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015). Pengajaran guru yang menyeronokkan merupakan aset yang berguna untuk menarik minat murid belajar mata pelajaran Bahasa Melayu tanpa perasaan takut dan tertekan (Abdul Rahman Abd Aziz, 2012).

Pendekatan didik hibur melibatkan pengajaran yang bersifat santai dan seronok dengan menghubungkan unsur kelakar, kecedaan, estetik, muzik dan lakonan agar dapat menarik minat murid untuk belajar. Pendekatan yang menghiburkan ini dapat mengurangkan tahap kebimbangan dan tekanan murid kepada guru mereka. Aktiviti dalam pendekatan didik hibur menitikberatkan penyelesaian masalah dengan penglibatan aktif semua murid di dalam bilik darjah. Selain itu, murid bebas bersuara untuk memberikan pendapat dan bebas untuk bergerak tetapi dalam keadaan yang terkawal berdasarkan objektif pengajaran yang hendak dicapai oleh guru. Pendekatan ini juga banyak menggunakan komunikasi anggota badan seperti mata, tangan, bahu, mimik muka, kening dan senyuman (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015).

Empat teknik yang boleh digunakan oleh guru dalam pengajaran Bahasa Melayu semasa melaksanakan pendekatan didik hibur iaitu teknik nyanyian, bercerita, lakonan dan puisi. Teknik nyanyian membantu murid mengingat pelajaran, memberikan tumpuan sepenuhnya dan menarik minat mereka semasa pengajaran guru. Guru boleh menggunakan teknik nyanyian untuk bilangan murid yang ramai atau semasa guru kekurangan bahan pengajaran semasa menjalankan pembelajaran dan pemudahcaraan PdPc. Penggunaan teknik nyanyian

dapat meningkatkan pencapaian murid dan menjadikan sikap mereka positif terhadap sesuatu topik kerana mereka tertarik dan tiada tekanan semasa menjalankan teknik nyanyian (Rene Pantun, 2016).

Manakala dalam teknik bercerita pula, murid dapat meningkatkan penguasaan dan pencapaian penulisan karangan naratif setelah didedahkan dengan cerita yang mempunyai penggunaan tatabahasa dan kosa kata yang pelbagai tetapi mudah dan senang difahami (Zuraini Jusoh & Abdul Rasid Jamian, 2014). Begitu juga dengan dapatan kajian Yahya Othman & Dayang Raini Pakar (2011) yang telah membuktikan terdapat peningkatan prestasi pemahaman dan bacaan murid setelah penggunaan teknik bercerita dengan bantuan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) dalam pengajaran guru Bahasa Melayu mereka.

Teknik lakonan dapat meningkatkan penguasaan kosa kata kemahiran lisan dan komunikasi serta penglibatan yang aktif dalam proses pengajaran guru telah meningkatkan penguasaan murid dalam bahasa Arab kerana murid dapat belajar dengan bebas, seronok dan mudah (Azani Ismail, Azman Che Mat, & Mat Taib Pa, 2012). Menurut Rozita Radhiah Said (2012) pula, teknik lakonan yang digunakan dalam pengajaran guru adalah berkaitan dengan pengalaman hidup murid menyebabkan mereka mempunyai minat untuk belajar.

Teknik puisi yang digunakan di sekolah rendah dihadkan kepada 3 jenis yang utama iaitu pantun syair dan sajak. Puisi ini terdapat peraturan yang perlu dipatuhi dan mempunyai nilai murni dalam kehidupan masyarakat Malaysia yang perlu dipatuhi oleh murid. Menurut Shamsudin Othman & Abdul Rasid Jamian (2013) penggunaan teknik puisi telah berjaya meningkatkan penguasaan pembacaan puisi dengan intonasi yang betul dan pemahaman yang lebih baik. Pengajaran menggunakan teknik puisi yang disusun dengan ringkas dan mempunyai mesej yang baik kepada pelajar serta dengan penggunaan multimedia seperti audio dan video telah meningkatkan penglibatan murid dalam pengajaran guru (Madiawati Mamat @ Mustaffa, 2013).

Menurut Mohd Khairuddin Abdullah & Halimah Laji (2014), guru perlu mempunyai pengalaman yang mencukupi untuk menjayakan proses pengajarannya di dalam bilik darjah. Tanpa pengetahuan yang tinggi guru Bahasa Melayu sukar untuk mengajar dengan baik. Untuk meningkatkan tahap pengetahuan dalam mata pelajaran yang diajar guru perlulah melakukan pembelajaran yang berterusan supaya dapat menyampaikan pengajaran dengan berkesan supaya dapat memberikan faedah kepada murid (Mohamad Safwandi Suaidi, 2017). Guru perlu berpengetahuan dalam pelaksanaan pengajarannya dengan memilih kaedah teknik dan aktiviti yang sesuai dengan murid di dalam bilik darjah agar proses pengajaran berjalan dengan lancar menarik dan menyeronokkan murid (Zamri Mahamod & Nor Razah Lim, 2011). Pengetahuan tinggi dalam pelaksanaan pendekatan didik hibur di sekolah rendah akan memastikan guru dapat menjalankan proses pengajaran dengan baik dan memberikan manfaat kepada murid di dalam bilik darjah. Murid dapat memahami pelajaran yang disampaikan, di samping dapat melibatkan diri secara langsung dalam pengajaran gurunya yang menggunakan pendekatan didik hibur.

Suziana Sulaiman (2012) mendapati bahawa guru yang bersikap positif dalam pelaksanaan sesuatu pengajaran dapat menentukan keberkesanan amalan pengajaran yang membawa kepada pencapaian prestasi murid yang lebih baik. Manakala menurut Idayati Abd Wahab (2013), sikap guru sangat positif dalam pengajaran yang dijalankan menyebabkan mereka lebih bertanggungjawab untuk mengajar murid dan melakukan perubahan dalam pelaksanaan inovasi yang diperkenalkan oleh kementerian pendidikan Malaysia (KPM). Sikap guru akan mempengaruhi penggunaan pendekatan pengajaran yang sesuai dengan latar belakang murid supaya objektif pengajaran tercapai dengan sebaiknya dan murid dapat meningkatkan pengetahuan mereka (Siti Shuhaidah Abdul Latir, Ramlah Hamzah, & Abdullah Mat Rashid, 2014). Sikap guru akan menentukan sama ada guru menerima atau menolak sesuatu perubahan dalam sistem pendidikan terutama dalam pendekatan pengajaran di dalam bilik darjah, sekiranya guru menerima perubahan maka guru itu akan bersikap positif dan melaksanakan pendekatan pengajaran dengan sebaik mungkin (Norlizah Mat Ali & Fadzilah Abd Rahman, 2016).

Model sikap ABC yang diperkenalkan oleh Alice H. Eagly & Shelly Chaiken, (1993) telah menekankan pembentukan sikap merupakan hasil penilaian terhadap sesuatu objek dalam tiga komponen utama iaitu efektif tingkah laku dan kognitif. Kumpulan efektif merujuk kepada emosi dan perasaan seseorang terhadap objek sikap yang merupakan penilaian yang menggambarkan perasaan positif atau negatif nya manakala komponen tingkah laku pula menggambarkan kecenderungan untuk melakukan sesuatu tindakan yang dapat diperhatikan sama ada menyokong atau tidak menyokong terhadap objek sikap. Komponen kognitif pula melibatkan kepercayaan pengetahuan idea atau pendapat yang diperolehi melalui gabungan pengalaman yang telah dilalui atau dibaca berkaitan dengan objek sikap tersebut. Ketiga-tiga kumpulan ini akan membentuk sikap guru Bahasa Melayu terhadap objek yang menjadi bahan kajian iaitu guru Bahasa Melayu bersikap positif atau negatif terhadap pelaksanaan pendekatan didik hibur dalam pengajaran Bahasa Melayu di sekolah rendah daerah Hulu Langat.

## METODOLOGI

### *Reka Bentuk Kajian*

Kajian kuantitatif ini menggunakan reka bentuk tinjauan deskriptif yang dijalankan ke atas guru-guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah-sekolah rendah di daerah Hulu Langat. Kajian deskriptif ini dapat mengumpulkan data yang berkaitan dengan fenomena yang tidak dapat dilihat secara langsung (Noraini Idris, 2010).

### *Sampel Kajian*

Seramai 327 orang sampel guru telah dipilih daripada 1,466 orang daripada populasi, iaitu guru yang mengajar Bahasa Melayu di sekolah rendah daerah Hulu Langat dengan menggunakan kaedah pensampelan rawak berstrata bernisbah. Berdasarkan jadual penentuan saiz sampel oleh Krejcie dan Morgan (1970), jika populasi adalah seramai 1,500 orang, maka sampel yang boleh digunapakai ialah 306 orang. Populasi telah dibahagikan mengikut nisbah guru berdasarkan jenis sekolah iaitu, sekolah kebangsaan (SK), sekolah jenis kebangsaan Cina (SJKC) dan sekolah jenis kebangsaan Tamil (SJKT) sebelum dipilih untuk dijadikan sampel kajian. Disebabkan bilangan guru di SJKT kurang daripada 30 orang sampel, maka bilangan sampel tersebut telah ditambah sehingga jumlah semua sampel yang digunakan adalah seramai 327 orang sampel. Penggunaan sampel seramai 30 orang di SJKT adalah kerana menurut Mohd Majid Konting (2009), sampel minimum yang sesuai bagi sesuatu penyelidikan ialah sekurang-kurang 30 orang.

### *Instrumen Kajian*

Penyelidik telah menggunakan instrumen soal selidik untuk menjalankan kajian ini. Borang soal selidik yang digunakan terdiri daripada tiga bahagian iaitu bahagian A, B dan C. Dalam bahagian A penyelidik telah mengemukakan soalan berkaitan dengan demografi responden yang perlu dijawab keseluruhannya. Bahagian ini membolehkan maklumat diri para responden diperoleh untuk dianalisis dalam bahagian demografi. Maklumat yang terdapat dalam bahagian A ini ialah jantina, bangsa, jenis sekolah, kelulusan akademik, opsyen guru, waktu mengajar Bahasa Melayu dalam seminggu dan pengalaman mengajar Bahasa Melayu. Manakala untuk bahagian B pula, soalan mengenai tahap pengetahuan guru terhadap pendekatan didik hibur dalam pengajaran Bahasa Melayu dan bahagian C pula mengenai sikap guru terhadap pendekatan didik hibur dalam pengajaran Bahasa Melayu. Instrumen soal selidik ini telah menggunakan skala Likert lima mata dalam bahagian B dan C. Skala tersebut adalah seperti 1 sangat tidak setuju(STS)/sangat tidak tahu(STT), 2 kurang setuju(KS)/kurang tahu(KT), 3 tidak setuju(TS)/tidak tahu(TT), 4 setuju(S)/tahu(T), 5 sangat setuju(SS)/sangat tahu(ST).

Bagi tujuan kajian, pengkaji telah menggunakan dan mengubahsuai instrumen soal selidik *Pengetahuan, Sikap dan Amalan dari Persepsi Guru dalam Pengajaran Kontekstual bagi Mata Pelajaran Prinsip Elektrik dan Elektronik di Sekolah Menengah Teknik Malaysia* oleh Idayati Abd Wahab (2013) untuk konstruk pengetahuan. Manakala untuk konstruk sikap pula, penyelidik telah mengubahsuai instrumen soal selidik *Sikap, Kemahiran dan Halangan dalam Penggunaan Teknologi dan Komunikasi bagi Pengajaran Bahasa Tamil di Sekolah Menengah di Selangor, Malaysia* oleh Alagesan Ambikapathy (2012). Instrumen soal selidik mengandungi 20soalan untuk konstruk tahap pengetahuan dan 20 soalan untuk kontrak sikap guru. Instrumen ini telah diedarkan oleh penyelidik sendiri ke sekolah-sekolah rendah di daerah Hulu Langat yang dipilih secara rawak. Borang soal selidik telah diberikan kepada guru Bahasa Melayu selepas mendapat kelulusan daripada pihak Fakulti Pengajian Pendidikan UPM, kemudian Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP) seterusnya jabatan pendidikan negeri (JPN) kemudian kelulusan daripada Pejabat Pendidikan Daerah Hulu Langat sebelum memasuki sekolah.

Penyelidik telah mendapatkan kebenaran daripada guru besar atau guru penolong kanan pentadbiran dan telah dibantu oleh ketua panitia Bahasa Melayu di setiap sekolah. Sebelum kajian sebenar dijalankan, satu kajian rintis telah dijalankan di tiga buah sekolah, iaitu sebuah sekolah kebangsaan, sebuah sekolah jenis kebangsaan Cina dan sebuah lagi sekolah jenis kebangsaan Tamil dengan melibatkan 30 orang guru. Nilai kebolehpercayaan bagi tahap pengetahuan guru adalah 0.84 manakala bagi sikap guru adalah 0.89. Menurut Mohd Majid Konting (2009) sekiranya nilai kebolehpercayaan *Alpha Cronbach* melebihi 0.60, maka instrumen soal selidik tersebut boleh diterima pakai dan mempunyai kebolehpercayaan yang memuaskan.

Data yang dikumpulkan melalui rumah soal selidik telah dianalisis menggunakan perisian *statistical package for the social science* (SPSS) versi 22. Analisis data statistik yang diperolehakan memberikan penjelasan tentang kekerapan dapatan berdasarkan peratusan dan nilai min tahap pengetahuan guru serta sikap guru terhadap pendekatan didik hibur dalam pengajaran Bahasa Melayu yang ditentukan dengan menggunakan skala sela.

## DAPATAN

Pengkaji menggunakan tahap skor min yang diinterpretasikan berdasarkan kepada Pallat (2010) seperti jadual di bawah.

JADUAL 1  
Tahap Skor Min

| Skor Min    | Tahap Interpretasi |
|-------------|--------------------|
| 1.00 – 1.33 | rendah / negatif   |
| 1.34 – 3.66 | sederhana          |
| 3.67 – 5.00 | tinggi / positif   |

Sumber: Julie Pallant (2011)

JADUAL 2  
Tahap Pengetahuan Guru Terhadap Pendekatan Didik Hibur

| Konstruk                           | Bilangan |           | Tahap  |
|------------------------------------|----------|-----------|--------|
|                                    | Item     | min SP    |        |
| Konsep pendekatan didik hibur      | 6        | 4.00 0.43 | Tinggi |
| Ciri-ciri pendekatan didik hibur   | 6        | 4.18 0.30 | Tinggi |
| Pelaksanaan pendekatan didik hibur | 4        | 3.83 0.44 | Tinggi |
| Bahan bantu mengajar               | 4        | 3.93 0.41 | Tinggi |
| Jumlah                             | 20       | 4.00 0.34 | Tinggi |

Tahap pengetahuan guru terhadap pendekatan didik hibur dalam pengajaran Bahasa Melayu menunjukkan min keseluruhan berada pada tahap yang tinggi ( $M = 4.00$ ,  $SP = 0.34$ ). Kesemua konstruk dalam tahap pengetahuan guru berada pada tahap yang tinggi. Konstruk yang paling tinggi ialah ciri-ciri pendekatan didik hibur ( $M = 4.18$ ,  $SP = 0.30$ ), diikuti oleh konstruk konsep pendekatan didik hibur ( $M = 4.00$ ,  $SP = 0.43$ ), diikuti oleh konstruk bahan bantu mengajar dalam pelaksanaan pendekatan didik hibur ( $M = 3.93$ ,  $SP = 0.41$ ) dan yang terakhir ialah konstruk pelaksanaan pendekatan didik hibur ( $M = 3.83$ ,  $SP = 0.44$ ).

JADUAL 3  
Sikap Guru Terhadap Pendekatan Didik Hibur

| Konstruk     | Bilangan |           | Tahap     |
|--------------|----------|-----------|-----------|
|              | Item     | min SP    |           |
| Afektif      | 6        | 3.64 0.50 | Sederhana |
| Tingkah laku | 7        | 3.80 0.48 | Positif   |
| Kognitif     | 7        | 3.23 0.48 | Sederhana |
| Jumlah       | 20       | 3.55 0.41 | Sederhana |

Sikap guru terhadap pendekatan didik hibur pula menunjukkan tahap yang sederhana secara keseluruhannya kerana daripada 20 item yang disoal dalam borang soal selidik didapati min yang diperolehi ialah 3.55 dengan sisihan piawai sebanyak 0.41. Konstruk sikap guru yang paling tinggi ialah kontrak tingkah laku yang mempunyai tahap yang positif ( $M = 3.80$ ,  $SP = 0.48$ ), diikuti dengan konstruk afektif yang mempunyai tahap positif yang sederhana ( $M = 3.64$ ,  $SP = 0.50$ ). Manakala konstruk kognitif merupakan

konstruk yang mempunyai nilai min yang paling rendah tetapi masih lagi dalam tahap positif yang sederhana ( $M = 3.23$ ,  $SP = 0.48$ ).

## **PERBINCANGAN DAN CADANGAN**

Dapatan kajian menunjukkan tahap pengetahuan para guru terhadap pendekatan didik hibur dalam pengajaran Bahasa Melayu sekolah rendah secara keseluruhannya adalah berada pada tahap yang tinggi. Manakala sikap guru terhadap pendekatan didik hibur ini berada pada tahap sederhana. Dapatan ini menyokong kajian yang dijalankan oleh Rozita Radhiah Said et al. (2016) yang mendapati guru-guru Bahasa Melayu mempunyai pengetahuan pada tahap yang tinggi. Pengetahuan guru yang tinggi terhadap sesuatu isi kandungan yang diajar menyenangkan guru bagi membuat perancangan dan persiapan pengajaran dari segi pendekatan dan teknik yang digunakan di dalam bilik darjah (Magdeline Anak Nor & Zamri Mahamod, 2014).

Pengetahuan guru terhadap pendekatan didik hibur boleh diperolehi melalui pengalaman atau kursus dan bengkel yang dihadiri bagi meningkatkan potensi guru dalam proses pengajaran. Pendekatan didik hibur dapat menggalakkan murid mempelajari Bahasa Melayu dengan mudah dan seronok. Begitu juga dengan dapatan oleh Siti Shuhaidah Abdul Latir et al. (2014) mendapati tahap pengetahuan guru sains pertanian terhadap pengajaran kontekstual berada pada tahap yang tinggi ( $M = 3.91$ ) dan sikap gurunya juga berada pada tahap yang positif ( $M = 4.04$ ). Hal ini menunjukkan bahawa guru dapat menggunakan pengetahuannya yang tinggi serta sikapnya yang positif terhadap pendekatan didik hibur dapat meningkatkan dan memantapkan proses pengajaran supaya dapat melahirkan murid yang berprestasi tinggi dan berkualiti. Dapatan kajian yang menunjukkan tahap pengetahuan guru yang tinggi dalam pendekatan didik hibur bersesuaian dengan hasrat dalam Model Pengetahuan Pedagogi Kandungan oleh Shulman (1987) yang menuntut pemilikan pengetahuan pada tahap yang tinggi dalam pelaksanaan kurikulum di sekolah termasuklah pengetahuan kandungan pedagogi. Guru dapat menjalankan PdPc dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dengan berkesan kerana mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi dalam pendekatan didik hibur.

Sikap guru terhadap penggunaan buku teks Bahasa Melayu berada pada tahap sederhana sahaja kerana guru mencari bahan lain untuk pengukuhan dan latihan bagi bersesuaian dengan kehendak peperiksaan (Zamri Mahamod, Mahidin Awang Itam, & Afendi Hamat, 2011). Hal ini menunjukkan bahawa guru mempunyai sikap yang sederhana terhadap pendekatan didik hibur kerana mereka mempunyai pendekatan pengajaran lain yang dianggap lebih sesuai semasa proses pengajaran Bahasa Melayu. Namun begitu dalam kajian Norlizah Mat Ali & Fadzilah Abd Rahman (2016) menunjukkan guru Bahasa Melayu mempunyai sikap yang positif terhadap pendekatan pembelajaran berasaskan masalah (PBM) kerana guru dapat menerima pendekatan ini dalam pengajaran Bahasa Melayu untuk meningkatkan penguasaan murid. Oleh demikian, guru Bahasa Melayu perlu menerima pendekatan didik hibur sebagai satu pendekatan dalam PdPc mereka agar murid dapat belajar dalam suasana yang menyenangkan. Sikap guru yang positif terhadap pendekatan didik hibur sangat penting supaya pengajaran guru berjalan dengan lancar berdasarkan objektif pengajaran. Sikap guru yang positif ini sangat penting kerana guru merupakan perancang, pengurus, penilai dan fasilitator bagi memudahkan proses pembelajaran murid di dalam bilik darjah.

Berdasarkan keputusan kajian ini dapat dirumuskan bahawa guru yang mengajar Bahasa Melayu memiliki tahap pengetahuan yang tinggi terhadap pendekatan didik hibur yang telah dilaksanakan sejak tahun 2011. Sungguhpun begitu, sikap guru hanya berada pada tahap yang sederhana. Walau bagaimanapun, sikap guru masih boleh diperbaiki ke tahap yang positif dengan mengadakan bengkel dan kursus yang bersesuaian agar guru membiasakan diri dengan pelaksanaan pendekatan didik hibur dalam pengajaran Bahasa Melayu. Bengkel dan kursus yang dijalankan ini juga dapat meningkatkan tahap pengetahuan guru yang sedia ada supaya sentiasa kekal pada tahap yang tinggi dan mengubah sikap guru menjadi positif. Proses pengajaran guru yang cemerlang dan berkesan dapat melahirkan murid yang berkualiti untuk menerajui negara pada masa hadapan.

Diharapkan dengan dapatan kajian ini penyelidikan yang berterusan terhadap pendekatan didik hibur dijalankan terutama untuk melihat pencapaian atau penguasaan murid dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Di samping itu, penyelidikan tentang halangan atau masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan pendekatan didik hibur juga boleh dijalankan. Untuk mengukuhkan lagi dapatan kajian yang menggunakan kaedah kuantitatif ini, penyelidikan yang menggunakan kaedah kualitatif juga digalakkan kerana dapat menghasilkan dapatan yang lebih menyeluruh.

## **KESIMPULAN**

Pendekatan didik hibur dalam pengajaran mata pelajaran Bahasa Melayu dapat dijalankan dengan sempurna oleh guru yang mengajar Bahasa Melayu sebagai penggerak kepada pembaharuan yang direncanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Guru sebagai perancang dan pelaksana dasar dan kurikulum ini haruslah mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi serta sikap positif untuk mengaplikasikan pendekatan ini dalam

pengajaran mereka. Hasil kajian menunjukkan bahawa guru memiliki pengetahuan yang tinggi dan sikap yang sederhana terhadap pelaksanaan pendekatan didik hibur dalam pengajaran Bahasa Melayu. Diharapkan dengan memiliki tahap pengetahuan yang tinggi membolehkan guru untuk mengajar isi kandungan Bahasa Melayu dengan menggunakan pedagogi yang sesuai dan berkesan mengikut kebolehan murid di dalam kelas. Begitu juga dengan sikap guru Bahasa Melayu yang sederhana terhadap pendekatan didik hibur ini dapat ditingkatkan supaya pelaksanaan pendekatan ini dalam pengajaran dijalankan dengan bersungguh-sungguh supaya memberi kesan yang positif kepada murid dalam penguasaan dan pencapaian Bahasa Melayu.

## RUJUKAN

- Abdul Rahman Abd Aziz. (2012). *Humor (Kecindan) dalam Pengajaran*. Pulau Pinang: BERU Publication.
- Alagesan Ambikapathy. (2012). *Sikap, Kemahiran dan Halangan dalam Penggunaan Teknologi dan Komunikasi bagi Pengajaran Bahasa Tamil di Sekolah Menengah di Selangor, Malaysia*. Tesis Master Sains, Universiti Putra Malaysia.
- Alice H. Eagly, & Shelly Chaiken. (1993). *The Psychology of Attitudes*. New York: Harcourt Brace Jovanovich College Publisher.
- Alis Puteh. (2016). *Profesion Keguruan: Peranan Etika Kerja dalam Mendisiplinkan Pelajar*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Azani Ismail, Azman Che Mat, & Mat Taib Pa. (2012). Membina Kemahiran Pertuturan Menerusi Aktiviti Lakonan dalam Pengajaran Bahasa Arab. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 12(1), 325–337.
- Idayati Abd Wahab. (2013). *Pengetahuan, Sikap dan Amalan dari Persepsi Guru dalam Pengajaran Kontekstual bagi Mata Pelajaran Prinsip Elektrik dan Elektronik di Sekolah Menengah Teknik Malaysia*. Tesis Master Sains, Universiti Putra Malaysia.
- Julie Pallant. (2011). *SPSS Survival Manual: A step by step guide to data analysis SPSS* (Edisi ke-4). Crows Nest, Australia: Allen & Unwin.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2012). *Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 - 2025*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015). *Modul Kursus Peningkatan Profesional Guru Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Lee S. Shulman. (1987). Knowledge and Teaching Foundations of the New Form. *Harvard Educational Review*, 57(1), 1–21.
- Madiawati Mamat @ Mustaffa. (2013). *Eстетika dalam Teks dan Multimedia Siri Unggas*. Tesis PhD, Universiti Putra Malaysia.
- Magdeline Anak Nor, & Zamri Mahamod. (2014). Penterjemahan Pengetahuan Pedagogi Kandungan dalam Proses Tindakan Guru Bahasa Iban Baharu dan Berpengalaman Bukan Opsyen. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 39(1), 37–49.
- Mohamad Safwandi Suaidi. (2017). Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan dalam Kalangan Guru Novis dan Guru Berpengalaman di Sekolah Rendah Daerah Hulu Langat. *Prosiding Seminar Pendidikan Serantau Ke-8*, 1–6.
- Mohd Khairuddin Abdullah, & Halimah Laji. (2014). Kepemimpinan Pengajaran dan Sikap Guru Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 4, Bil. 1(Mei), 48–58.
- Mohd Majid Konting. (2009). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Paris Saleh, & Saedah Siraj. (2016). Analisis Keperluan Pembangunan Model Pengajaran M-Pembelajaran Mata Pelajaran Sejarah Sekolah Menengah. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 4(4), 12–24.
- Noraini Idris. (2010). *Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Norlizah Mat Ali, & Fadzilah Abd Rahman. (2016). Sikap Guru Bahasa Melayu terhadap Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) dalam Pengajaran dan Pembelajaran di Daerah Petaling Perdana. *International Journal of Education and Training*, 2(2), 1–8.
- Rene Pantun. (2016). Penggunaan Teknik Nyanyian Dalam Meningkatkan Kefahaman Murid Tahun Dua Dalam Topik Pembundaran. *Proceedings of the ICECRS*, 1(October), 1–11.
- Rozita Radhiah Said. (2012). *Penyampaian Lisan dalam Pengajaran Karangan Guru Cemerlang Bahasa Melayu untuk Murid-murid Tingkatan Empat*. Tesis PhD, Universiti Putra Malaysia.
- Rozita Radhiah Said, Abdul Rasid Jamian, & Azhar Md. Sabil. (2016). Pengetahuan dan Kefahaman Skop Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Jurulatih Pakar Pembangunan Sekolah (SISC+). *International Journal of Education and Training (InjET)*, 2(2), 1–9.
- Shaffe Mohd Daud, Ramli Basri, Roselan Baki, Sahandri Ghani Hamzah, & Mokhtar Nawawi. (2011). Pengaruh Amalan Jenaka Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Murid. *AsiaPacific Journal of Educators and Education*, 26(1), 125–144.
- Shamsudin Othman, & Abdul Rasid Jamian. (2013). Pelaksanaan Elemen Sastera Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Seni Bahasa Kurikulum Standard Sekolah Rendah. *Jurnal Bahasa*, 13(2), 292–312.
- Siti Shuhaidah Abdul Latir, Ramlah Hamzah, & Abdullah Mat Rashid. (2014). Hubungan pengetahuan dan sikap guru Sains Pertanian terhadap pengajaran kontekstual. *SainsHumanika*, 4(1993), 1–5.



- Suziana Sulaiman. (2012). *Tahap Penguasaan Proses Sains dan Sikap Guru serta Halangan dalam Pengajaran Kemahiran Saintifik bagi Mata Pelajaran Sains Pertanian*. Tesis MasterSains, Universiti Putra Malaysia.
- Yahya Othman, & Dayang Raini Pakar. (2011). Kesan Aplikasi Perisian Cerita Interaktif Semasa Mengajarkan Kemahiran Bacaan dan Kefahaman dalam Kalangan Murid Tahun 4 di Brunei Darussalam. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(1), 27–49.
- Zamri Mahamod, Mahidin Awang Itam, & Afendi Hamat. (2011). Sikap Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah Terhadap Penggunaan Buku Teks Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(Nov.), 17–30.
- Zamri Mahamod, & Nor Razah Lim. (2011). Kepelbagaian Kaedah Penyoalan Lisan dalam Pengajaran Guru Bahasa Melayu: Kaedah Pemerhatian. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(Mei), 51–65.
- Zuraini Jusoh, & Abdul Rasid Jamian. (2014). Kesan Bercerita terhadap Pencapaian Penulisan Karangan Naratif Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu (JPBM)*, 4(1), 11–18.